

SINERGI

06/05/2024 | Ts Dr Farrah Rina Mohd Roshdi, Dr Samera Samsuddin Sah



SERI ISKANDAR, 29 APRIL 2024 – Pengajaran dan pembelajaran kolaboratif secara virtual telah berlangsung pada 29 April 2024 bagi kod subjek QSA202 *Construction Technology III*, Jabatan Ukur Bahan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar.

Program yang telah mensasarkan kolaboratif bersama Pensyarah Kanan dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ini telah dimulakan pada jam 10 pagi dan berakhir pada jam 1 petang yang dihadiri seramai 26 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar dari Diploma Ukur Bahan. Pengajaran kolaboratif adalah dari Model 2 iaitu dari Pensyarah dari Universiti Tempatan dan menggunakan Model 2 iaitu kolaborasi dari segi kaedah penyampaian. Penyampaian yang diajar di dalam pengajaran kolaboratif ini adalah berfokus pada asas struktur bangunan ; *Reinforced Concrete Frame* dan pengiraan *Structural Analysis* bagi struktur *Column, Beam* dan *Floor Slab*.

Pengajaran dan pembelajaran Abad ke 21 menekankan empat perkara utama iaitu komunikasi, pemikiran kritikal, kolaborasi dan kreativiti. Pengajaran Kolaboratif yang juga dikenali sebagai *team-teaching* atau *co-teaching*, merujuk kepada pendekatan pengajaran yang melibatkan beberapa orang tenaga pengajar dalam kalangan pensyarah dan bersama menyampaikan ilmu untuk memudahcara pengajaran, mendidik, membimbing dan melatih pelajar bagi memperkasa pembelajaran sendiri pelajar. Asas pengajaran kolaboratif dizahirkan melalui Scheme of Work, bilangan tenaga pengajar, komunikasi yang baik dan toleransi serta tolak ansur. Pengajaran kolaboratif ini telah mendapat persetujuan daripada Ketua Jabatan dari Jabatan Ukur Bahan dan Pensyarah Jemputan bagi membolehkan sesi penyampaian kolaboratif dilaksanakan sebaik mungkin mengikut prosedur. Aspek yang ditekankan dalam pengajaran kolaboratif adalah pembelajaran berasaskan hasil pembelajaran, pembelajaran berpusatkan pelajar, *Flexibility – anywhere, anytime, anyhow*, pendekatan kaedah penyampaian secara bersemuka setempat atau secara jarak jauh dan terbuka (*Open Distance Learning* (ODL). Di samping itu, aspek lain adalah penggunaan Mod Pembelajaran Teradun dan mempunyai lebih dari satu tenaga pengajar iaitu mengajar dalam pasukan.



Aktiviti utama kolaborasi ini dilaksanakan dengan sesi pengenalan dari kepakaran Jurutera Awam (Struktur) kepada Struktur Bangunan dan pendedahan pengiraan *Live Load/ Imposed Load* dan *Dead Load* ke arah penyediaan *Civil & Structural Drawings* oleh Pensyarah Jemputan iaitu Dr Samera Samsuddin Sah, yang merupakan pakar bidang Kejuruteraan Awam dan dibantu bersama oleh Ts Dr Farrah Rina Mohd Roshdi Pensyarah UiTM dari bidang Ukur Bahan. Objektif penyampaian dan pembentangan menyentuh aspek asas struktur kepada pembinaan bangunan yang terdiri dari komponen *Column, Beam* dan *Floor Slab*. Di samping itu, pengiraan yang menjadi asas untuk pengetahuan pelajar Diploma Ukur Bahan Semester 3 adalah pengiraan *Singly Reinforced Beam, One Way Slab* dan *Short Braced Column*. Susulan daripada taklimat dan demonstrasi dari kedua-dua pensyarah, pelajar diminta untuk melakukan aktiviti pengiraan bersama di dalam kelas melalui *Equation* bagi ketiga-tiga Komponen/ Elemen *Structural Analysis*. Di samping itu, pelajar juga diminta untuk memberi respon kepada Pensyarah Jemputan di dalam aktiviti yang dijalankan. Ini bertujuan untuk memastikan pengiraan yang telah diajari diikuti dan di dalam masa yang sama para pelajar dapat memahami aspek penting di dalam kerja pengenalan struktur bangunan, kepentingan pengiraan *Structural Analysis* oleh Jurutera Awam yang menjadi *Structural Drawings* bagi tujuan *measurement* untuk penyediaan *Bills of Quantities* oleh Jurukur Bahan.

Program ini telah mencapai sinergi kepakaran, mentor-mentee antara pensyarah, pengoptimuman sumber dari segi masa, kos, keperluan fasiliti dan perkongsian antara pensyarah. Untuk jangka masa panjang, kebaikan pengajaran kolaboratif ini juga merangkumi pengajaran kolaboratif antara universiti tempatan dengan memberi peluang kepada pelajar daripada kampus yang berbeza atau universiti yang berbeza melalui pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna. Di samping itu, memberi peluang kepada pensyarah untuk Inovasi di dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

in Share f Share X Post

QUICK LINKS

- [Ministry of Higher Education](#)
- [Academic Calendar](#)
- [Intake Calendar](#)
- [Graduate Quick Search](#)
- [Library](#)
- [UiTM Holdings](#)
- [WiFi UiTM](#)
- [E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

